



## Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

Untuk Siaran Segera  
28 Disember 2015

### AGIHAN PENDAPATAN ASN 6.10 SEN SEUNIT

**KUALA LUMPUR:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 6.10 sen seunit bagi Amanah Saham Nasional (ASN) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Menurut Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, peruntukan pengagihan pendapatan pada tahun ini membabitkan pembayaran sebanyak RM106.72 juta, yang akan dimanfaatkan oleh 1.25 juta pemegang unit yang melanggar 1.75 bilion unit ASN.

Sehingga 23 Disember 2015, ASN telah memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM126.27 juta. Daripada keseluruhan pendapatan kasar, pendapatan daripada keuntungan jualan saham menyumbang sebanyak RM79.91 juta atau 63.3%, manakala pendapatan dividen yang diterima daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM35.37 juta atau 28.0%, dan selebihnya iaitu RM10.99 juta atau 8.70% diperoleh daripada lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASN adalah berdasarkan pegangan unit pada hari terakhir tahun kewangan 31 Disember 2015. Pembayaran pengagihan pendapatan ASN akan dilaburkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam buku pelaburan pemegang unit berdasarkan nilai aset bersih pada 31 Disember 2015. Pengemaskinian buku pelaburan ASN boleh dilakukan di pejabat-pejabat ASNB atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 4 Januari 2016.

Semua urusniaga bagi ASN di Ibu Pejabat ASNB, pejabat-pejabat ASNB dan ejen-ejen ASNB telah ditangguhkan bermula 24 Disember 2015 sehingga 3 Januari 2016 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Urusniaga ASN akan berjalan seperti biasa bermula 4 Januari 2016.

Dilancarkan pada 20 April 1981, ASN merupakan dana pertumbuhan harga berubah-ubah, bertujuan menjana pertumbuhan modal dan pengagihan pulangan berpatutan secara berterusan pada tahap risiko bersesuaian menerusi portfolio pelaburan yang dipelbaikan.

Perbandingan prestasi ASN dari segi jumlah pulangan keseluruhan dan hasil pendapatan (*yield*) boleh dilakukan dengan instrumen-instrumen yang mempunyai ciri-ciri dan tahap risiko yang hampir serupa dengan dana ASN.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Aminah Haji Mahadi

Pengurus Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat

● Tel: 03-2050 5445 ● Faks: 03-2050 5268 ● E-mel: [aminah\\_hm@pnb.com.my](mailto:aminah_hm@pnb.com.my)